



Perkhidmatan Legal Aid

Disampaikan oleh Legal Aid Western Australia di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

Perkhidmatan

Legal Aid Western Australia, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan yang berikut di Wilayah Lautan Hindi:

- Perkhidmatan peguam bertugas
- biro nasihat guaman (nasihat guaman, maklumat dan rujukan)
- tugas-tugas guaman (bantuan kecil dan pembelaan)
- perwakilan undang-undang menurut bantuan guaman yang diberikan
- pendidikan undang-undang untuk komuniti

Apakah ertinya bagi saya?

Peguam cara daripada Legal Aid WA berkunjung ke Pulau Christmas dari semasa ke semasa dan ke Kepulauan Cocos (Keeling) sekurang-kurangnya sekali setiap tahun. Bergantung pada keadaan diri anda, anda mungkin diberi nasihat guaman, maklumat, rujukan, tugas guaman (bantuan kecil dan pembelaan) atau perwakilan undang-undang.

Perkhidmatan peguam bertugas juga disediakan di mahkamah dan seorang pembantu guaman berada di Pulau Christmas dua hari seminggu.

Perkhidmatan pendidikan undang-undang disediakan melalui ceramah kepada komuniti, rencana dalam surat berita The Islander dan The Atoll, risalah dan kit bantu diri. Maklumat tentang pelbagai hal undang-undang yang menjejaskan orang ramai, antara lainnya undang-undang jenayah, undang-undang keluarga dan undang-undang sivil, juga disediakan di laman web Legal Aid, iaitu www.legalaid.wa.gov.au.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 9261 6222
E-mel	info@legalaid.wa.gov.au
Perkhidmatan khusus oleh Legal Aid	08 9261 6356 atau info@legalaid.wa.gov.au
Laman web	www.legalaid.wa.gov.au